



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel. : 03-8883 2545
Faks : 03-8889 5542
Web : anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM 87/P1/1/1/3 Jld. 2 (20)
Tarikh : 16 Februari 2015

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

YBhg Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BILANGAN 2 TAHUN 2015: PELAKSANAAN PROGRAM “KKM, JOM IKRAR!”

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Buat masa ini, jumlah pengikrar penderma organ di Malaysia adalah seramai 286,123 orang yang mewakili 0.9% dari jumlah populasi di Malaysia manakala kadar pendermaan organ kadaverik adalah pada 0.7 pendermaan bagi setiap juta penduduk. Jumlah pengikrar dan penderma organ kadaverik telah menunjukkan sedikit peningkatan semenjak 3 tahun kebelakangan ini.
3. Sebagai langkah untuk menggalakkan penerimaan masyarakat khususnya untuk tempoh jangka masa panjang, pihak Kementerian berpendapat perlunya ada usaha dan program yang lebih sistematik untuk mempertingkatkan kesedaran anggota KKM terhadap pendermaan organ.
4. Sehubungan dengan itu, semua Jabatan Kesihatan Negeri diminta untuk melaksanakan Program “KKM, Jom Ikrar!” sebagaimana yang digariskan di dalam lampiran. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan isu ini kepada semua anggota KKM daripada pelbagai kategori iaitu anggota perubatan dan juga anggota bukan perubatan. Program ini merangkumi penglibatan anggota di Program Perubatan dan Program Kesihatan Awam.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Yang ikhlas,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Noor Hisham', with a long horizontal stroke extending to the right.

(DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH)

s.k

- Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Pergigian
- Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
- Pengarah Kanan
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan